

## Fungsi dan Persamaan Kuadrat dalam Satu Pemboleh Ubah

### Ujian Garis Mencancang

Ujian garis mencancang merupakan satu cara visual untuk menentukan sama ada suatu graf merupakan fungsi atau bukan. Satu fungsi hanya boleh mempunyai satu nilai  $y$ , untuk setiap nilai  $x$ . Graf fungsi kuadratik memenuhi syarat-syarat ujian garis mencancang, maka graf fungsi kuadratik merupakan suatu fungsi. Walaubagaimanapun, graf fungsi kuadratik tidak memenuhi syarat ujian garis mengufuk dengan keadaan satu nilai  $y$  hanya dari satu nilai  $x$ , maka graf fungsi kuadratik bukan hubungan satu dengan satu.

